


PERTEGUH KEMENANGAN

UCAPAN TEMA
MUKTAMAR TAHUNAN DEWAN PEMUDA PAS PUSAT KE-49
YB SALAHUDDIN HAJI AYUB
(KETUA DEWAN PEMUDA PAS PUSAT)



المجدلته رب العالمين ، والعاقبة للمتقين ،
ولا عدوان إلا على الظالمين ، والصلاة
والسلام على سيدنا محمد سيد المرسلين
وأما المتقين ، وعلى آله الطيبين الأطهار
وأصحابه الهادين الأبرار ، ومن تبعهم
بإحسان إلى يوم الدين .

Yang Mulia Tuan Pengerusi Tetap,
Yang Berhormat Ustaz Nasharudin Mat Isa, Timbalan Presiden PAS,
Yang Berbahagia Wakil-wakil Jawatankuasa Kerja PAS Pusat,
Yang Dikasihi Saudara Timbalan dan Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat,
Yang Dikasihi Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat,
Yang Dikasihi Ketua-ketua Dewan Pemuda PAS Negeri-negeri,
Yang Diraikan Pimpinan Pemuda Pakatan Rakyat,
Yang Diraikan Para Tetamu Kehormat dan Diplomat Asing,
Yang Diraikan Wakil-wakil Gerakan Islam Luar Negeri,
Yang Diraikan Pimpinan Mahasiswa,
Yang Dihormati Para Perwakilan dari seluruh negara, dan
Para Pemerhati serta semua hadirin yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum waramatullahrt wabarakatuh

Allah SWT telah berfirman,

الَّذِينَ إِذَا مَكَتَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَخَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمْرًا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْوًا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."

(Surah al-Hajj: Ayat 41)

Alhamdulillah, kita memanjatkan rasa syukur yang setinggi-tingginya kerana pada hari ini kita dapat berkumpul semula dalam sidang Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat kali yang ke-49 di Stadium Indera Mulia, Ipoh ini. Kita tidak pernah menyangka bahawa stadium yang sebegini besar akan menjadi gelanggang untuk kita bermuhasabah pada tahun ini. Salam dan selawat juga kita panjatkan kepada Nabi Besar Muhammad SAW di atas perutusan dan jasanya, nikmat iman dan Islam dapat kita hirup pada hari ini. Dan beradanya kita di sini pada hari ini semata-mata kerana kesanggupan kita menjadi mata rantai yang meneruskan gagasan *'rahmatan lil 'aalamin'* yang dibawa oleh Baginda SAW semenjak 15 abad yang lalu.

Adalah amat bertuah sekiranya perhimpunan tahunan kita yang diadakan di stadium yang besar, di kota negeri yang diperintah oleh pakatan kita ini, dapat dimanfaatkan untuk kita bermuhasabah, bertukar fikiran, memberi kritikan yang membina, melontarkan cadangan yang konkrit, membangunkan idea-idea berwawasan dan juga membuat teguran-teguran di atas ketelanjangan dalam kita menlangsung perjuangan. Dengan anugerah kekuasaan politik bersama Pakatan Rakyat (PR) di lima buah negeri, ia sekali gus mencabar minda kita supaya beranjak daripada berfikiran sebagai pembangkang kepada fikiran negarawan yang melaksanakan amanah yang ditaklifkan oleh Allah SWT. Ini bermakna, muktamar pada tahun ini memerlukan kematangan dalam kita memperkatakan apa sahaja kerana kita bukan sekadar menjadi fokus media, tetapi rakyat di luar sana sedang memerhatikan potensi kita untuk menjadi galang ganti kepada kereputan Umno/BN.

Saya mengajak seluruh pimpinan supaya berlapang dada dengan teguran dan kritikan yang akan bergema sepanjang muktamar ini, kerana saya penuh percaya tidak ada perwakilan yang menegur kerana cemburu atau dengki, melainkan kerana keikhlasan mereka ingin melihat gerakan Islam PAS ini bangun dan berdiri untuk memenuhi aspirasi mengejar keredhaan Allah SWT. Ahli-ahli juga, dalam membuat teguran dan kritikan, gunakanlah cara yang paling berhikmah dan *'mauizatul hasanah'* supaya pandangan saudara semua diterima tanpa ada yang terluka. Saya memperakui bahawa muktamar ini adalah medan terbaik untuk kita bermuhasabah dan menjadikan ia satu forum *tarbiyyah* operasional dan pemikiran. Marilah sama-sama kita manfaatkan muktamar ini

untuk membolehkan Dewan Pemuda PAS terus melangkah gagah dalam arena jihad ini.

55 TAHUN DEWAN PEMUDA PAS

Para Muktamirin sekalian,

Allah SWT berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا هَلْ اَدْرٰكُكُمْ عَلٰۤى تَجَرَّرْتُمْ نٰجِيْكُمْ مِّنْ عَذَابِ الْاَلِيْمِ ﴿١٠﴾ تُوْمِنُوْنَ
 بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ وَتُجَاهِدُوْنَ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ بِاَمْوَالِكُمْ وَاَنْفُسِكُمْ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ
 اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿١١﴾ يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرٰى مِنْ تَحْتِهَا
 الْاَنْهٰرُ وَمَسٰكِنُ طَيِّبَةً فِيْ جَنَّٰتٍ عَدْنٍ ذٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيْمُ ﴿١٢﴾ وَاٰخَرٰى
 تُحِبُّوْنَهَا نَصَرَ مِنَ اللّٰهِ وَفَتْحٌ قَرِيْبٌ وَّبَشٰرٌ لِّلْمُؤْمِنِيْنَ ﴿١٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah aku tunjukkan satu perniagaan yang boleh menyelamatkanmu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? (laitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang menegakkan agama Allah dengan hartabenda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosamu dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga 'Adn. Itulah kemenangan yang besar. Dan (ada lagi) kurnia yang kamu sukai iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya). Dan sampaikanlah berita yang menggembirakan itu kepada orang-orang yang beriman."

(Surah As-Saff: Ayat 10-13)

Kita tidak pernah merancang supaya muktamar kita pada tahun ini dikembalikan ke negeri di mana Dewan Pemuda PAS dilahirkan. Tetapi Allah SWT mentakdirkan bahawa kita akan menyambut ulang tahun ke-55 di negeri Perak Darul Ridzuan. Pada 25 Ogos 1953, di Madrasah al-Ulum as-Syar'iyah, Batu 20, Bagan Datoh, satu Kongres Pemuda Islam telah dianjurkan oleh PAS yang dihadiri oleh pemuda-pemuda Islam dari seluruh pelusuk negara, dan kongres ini berjaya menubuhkan Dewan Pemuda PAS. Hari ini, kurang 12 hari daripada ulang tahun kita ke-55, kita kembali semula ke bumi bertuah ini untuk

memperbaharui tekad dan meneruskan idealisme perjuangan kita dalam menegakkan Islam di negara ini.

Sepanjang tempoh 55 tahun ini kita telah melalui pelbagai ranjau dan cabaran. Kita pernah bangun, bangkit dan berada di puncak kejayaan, kita juga pernah rebah, jatuh dan tersungkur dalam meniti perjuangan. Tersungkur kita mencium pasir, terlentang kita minum embun, tetapi direndam kita tidak reput, dibakar kita tidak hangus, patah sayap kita bertongkatkan paruh, namun mengalah sama sekali tidak. Kita mewarisi jiwa perjuangan kepemudaan yang dirintis oleh tokoh-tokoh yang dahulunya mereka bangkit menyatakan kebenaran dan menolak kezaliman. Allah SWT telah merakamkan bagaimana pemuda *Ashabul Kahfi* yang mempertahankan iman dan kebenaran, sanggup menegaskan tauhid di hadapan pemerintah yang menjuarai kezalim. Firman Allah SWT,

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ
هُدًى ۝۱۳ وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُو مِنْ دُونِهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذْ شَطَطًا ۝۱۴

"Kami kisahkan kepadamu (wahai Muhammad SAW) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah mereka dengan hidayah petunjuk. Dan Kami teguhkan hati (dengan kesabaran dan keberanian) semasa mereka bangun (menegaskan tauhid di hadapan pemerintah yang zalim) lalu berkata, "Tuhan kami adalah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi; kami sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain daripadanya; jika kami menyembah yang lainnya bermakna kami mengucapkan perkataan yang amat jauh dari kebenaran."

(Surah Al-Kahfi: Ayat 13-14)

Kita juga ditunjukkan bagaimana pemuda *Ashabul Ukhdud* sanggup menggadaikan kepentingan dunia, bahkan nyawa semata-mata kerana mahu orang lain mengimani ketuhanan Allah SWT. Dan akhirnya mereka yang dibakar dalam parit api ini diisytihar oleh Allah SWT sebagai,

ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ ۝۱۱

"Itulah kemenangan yang besar".

(Surah Al-Buruj: Ayat 11)

Allah SWT telah menggariskan satu panduan yang amat bermakna kepada kita pemuda-pemuda yang beriman bahawa orang yang berusaha untuk memastikan hanya Allah SWT sahaja yang berhak disembah, kemudian mereka berusaha melaksanakan syariat Allah SWT serta membina sistem sosial berasaskan akhlak Islam, jika mereka gagal memperolehi sebarang habuan dunia, pasti mereka bakal beroleh kemenangan terbesar disisi Allah SWT. Kita hanya ada dua pilihan dalam perjuangan, sama ada menang atau syahid! Tetapi apalah ertinya kita memperolehi kemenangan di dunia tetapi gagal memastikan kita mendapat keredhaan Allah SWT. Kejayaan kita memenangi kerusi yang banyak atau memperolehi majoriti yang tinggi dalam pilihan raya, tidak mempunyai nilai disisi Allah SWT jika kita gagal mempertahankan dasar aqidah kita, sekali gus kita mengabaikan tujuan sebenar kita untuk menegakkan di dalam negara ini "sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah."¹.

Kita tentu berasa hairan yang amat sangat apabila Allah SWT memproklamasikan bahawa orang-orang yang mati dibakar dalam tragedi 'parit berisi api' itu sebagai mencapai kemenangan yang besar, kerana kita sering berfikir bahawa kemenangan yang besar itu ialah mendapat habuan kekuasaan dan kekayaan di dunia. Sebenarnya, mereka dianggap 'menang besar' oleh Allah SWT adalah lantaran mereka berjaya mempertahankan iman daripada godaan kuasa dan harta dunia. Marilah kita renungkan pesanan Allah SWT kepada kita,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ
عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

"Wahai orang-orang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) hartabenda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). Dan (ingatlah), sesiapa yang berbuat demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

(Surah al-Munafiqun: Ayat 9)

Marilah kita memperkukuhkan semula tekad perjuangan kita ketika sedang berada dalam nikmat kejayaan ini. Dan sempena ulang tahun ke-55 perjuangan kita, marilah kita membuat koreksi diri demi memastikan perjuangan kita sentiasa berada pada landasan yang betul, dan ayuh kita perteguhkan perjuangan ini menuju matlamat *mardhatillah*. Saya mengajak para muktamirin sekalian supaya tidak leka dengan limpahan nikmat Allah SWT, kerana saya bimbang jika kita alpa, nikmat ini akan bertukar menjadi bala.

PERTEGUH KEMENANGAN RAKYAT

¹ Perlembagaan PAS (Pindaan) 2001, Fasal 5(1)

Para Muktamirin yang mulia,

Kita bermuktamar pada malam ini ketika politik negara sedang bergolak. Selepas pilihan raya umum ke-12 baru-baru ini, terdedahlah pekung BN bahawa mereka sedang berada dalam situasi serba tak kena. Umno sebagai tunjang BN sedang menghadapi kereputan yang parah. Keruntuhan akhlak pemimpin mereka merebak ke mana-mana termasuk budaya rasuah dan politik wangnya. Kini mereka sedang berhadapan pula dengan krisis ketidakpercayaan kepada presiden dan kepimpinan mereka sendiri. Kemahuan ahli-ahli Umno untuk keluar daripada kepompong feudal dan demokrasi terpimpin telah dilahirkan melalui pencalonan beberapa tokoh lain untuk menggantikan presiden sedia ada. Kini, *political struggle* dalam Umno sudah hampir ke puncak dan sebagai langkah berjaga-jaga beberapa peraturan tidak demokratik diwujudkan termasuk menghalang dua jawatan tertinggi parti itu dipertandingkan.

Dua lagi komponen utama BN – MCA dan MIC – juga mengalami komplikasi yang serupa. Ketika dalaman MCA sedang mencari-cari siapakah presiden baru yang akan dibebankan untuk memulihkan semula maruah parti itu, ahli-ahli MIC berterusan mendesak supaya presidennya digantikan dengan tokoh yang baru. Pemecatan Ketua Pemuda MIC memperlihatkan adanya gerakan untuk mempertahankan *status quo* secara tidak demokratik, sedangkan kebimbangan ahli-ahli MCA terhadap peranan gangstar untuk menentukan pucuk pimpinan parti itu terus wujud. Parti Gerakan pula semakin hilang relevannya, sedangkan SAPP secara terang-terangan menyatakan hasrat memberikan undi tidak percaya kepada kepemimpinan Pengerusi BN. Pemimpin BN sendiri sedar bahawa tahap kepercayaan parti komponen mereka dari Sabah dan Sarawak amat longgar, bahkan beberapa pimpinan kanan MCA, MIC dan Gerakan sudah mula meninggalkan pakatan BN. Sudah tergambar di kepala rakyat bahawa BN akan menjadi 'dinasor politik' dalam masa terdekat.

Kita bersyukur kepada Allah di atas perkembangan ini. Tetapi perkembangan yang sedang berlaku dalam BN inilah yang mengakibatkan permainan politik kotor mereka. PAS cuba dijadikan mangsa dalam isu *muzakarah* dan *muqabalah* dengan tujuan supaya PAS tersingkir daripada arus perdana politik negara. Harapan mereka supaya keyakinan rakyat terhadap PAS luntur dan kepercayaan rakan-rakan PR juga terhakis. Pimpinan PAS harus bijak menangani pergolakan ini supaya PAS terus relevan dan bertakhta di hati rakyat. Dewan Pemuda PAS mengalu-alukan apa sahaja bentuk akomodasi dengan mana-mana pihak untuk kebaikan agama, bangsa dan negara, tetapi kita sekali-kali tidak akan bertolak ansur sekiranya politik akomodatif ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama politik atau perkongsian kuasa antara PAS dengan Umno/BN. Kita mahu PR diperkukuhkan supaya aspirasi rakyat untuk memiliki sebuah negara yang adil, telus dan berkeadilan dapat kita jelmakan. Janganlah yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran!

Saya mengajak seluruh ahli dan kepimpinan PAS supaya mempelajari pengalaman Jaafar bin Abi Talib di Habsyah dan Rubaie bin Umair di Parsi ketika membawa misi politik dan dakwah. Sebagai diplomat yang pintar, mereka bukan sahaja tidak menggadai dasar perjuangan tetapi langsung tidak tersilau oleh tawaran-tawaran keduniaan yang disogokkan. Inilah contoh terbaik yang harus kita jadikan rujukan dalam kita mewakili kepentingan Islam ketika berdialog dengan mana-mana pihak supaya kepentingan kita terjamin dan jerat musuh tidak mengena. Sesiapa yang bertindak bagi pihak PAS dalam misi dakwah dan politik seperi ini hendaklah mestilah mengutamakan kepentingan parti, bukannya kepentingan peribadi. Saya percaya bahawa pimpinan PAS telah melakukan yang terbaik untuk kepentingan jamaah, dan kerana itu saya menyeru ahli-ahli PAS supaya terus memberikan *wala'* dan *thiqah* mereka tanpa berbelah-bahagi. Yakinlah, hanya dengan kepercayaan yang penuh daripada ahli-ahli dan kejujuran pimpinan akan dapat **memperteguh kemenangan** ini.

Usaha-usaha memperteguhkan kemenangan ini harus diperluaskan dengan kerjasama lebih erat di kalangan lima buah negeri yang kita kuasai, khususnya dalam soal pentadbiran dan ekonomi. Saya mencadangkan supaya negeri-negeri ini mewujudkan koridor kuasa PR bagi memperteguh urus tadbir kerajaan dan pengurusan ekonomi. Antara kekuatan yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan untuk negeri ialah soal tanah dan agama yang mesti digemblengkan secara maksimum. Hasil bumi yang kaya ini mesti dimanfaatkan secara terancang untuk kebaikan bersama. Jaringan kerjasama ekonomi dan persefahaman politik mesti dibuat dengan segera. Saya menggesa supaya sebuah Jawatankuasa Pemandu PR di peringkat pusat diwujudkan supaya dasar-dasar kerajaan PR dapat diselaraskan, agihan sumber dan rancangan pembangunan bersama juga dapat diaturkan sehingga kita dapat menangani sekatan politik dan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan Pusat ke atas lima buah negeri ini. Jawatankuasa Pemandu ini perlu berperanan agar lima buah negeri PR ini menjadi satu 'Persekutuan' yang saling bahu-membahu dalam mengekalkan keyakinan dan kepuasan rakyat.

Sebagai parti pemerintah di beberapa buah negeri, PAS yang berpengalaman memerintah semenjak 1990 bersedia berkongsi pengalaman ini dengan rakan-rakan PR. Selepas mencapai kemenangan ini, hubungan rakan-rakan PR mesti diperkukuhkan. Kita mesti menghormati dasar dan tujuan perjuangan rakan-rakan kita, tetapi dalam masa yang sama mereka juga harus menghormati kita. Jika kita saling mempersoalkan dasar orang lain, maka selagi itu pakatan ini tidak akan kukuh. Islam yang didukung oleh PAS tidak pernah menzalimi atau menganiayai sesiapa, termasuk bukan Islam. Bahkan, Islamlah satu-satu sistem pemerintahan yang telah terbukti memberikan keadilan kepada semua manusia seperti yang terakam dalam sejarah *Khulafa' al-Rasyidin*, Khalifah 'Umar bin 'Abdul Aziz, Kesultanan Cordova dan lain-lain.

Islam, Social Democrat, Socialistic Inclination dan Keadilan Untuk Semua

Kepimpinan Pemuda PR perlu memainkan peranan penting kearah menganjak paradigma pemikiran rakyat untuk memahami dasar perjuangan masing-masing dan mencipta satu era baru yang lebih kondusif untuk kita bekalkan kepada generasi akan datang. PAS berdiri tegak dan teguh sehingga hari ini kerana perjuangan Islam yang dilihat dan diyakini konsisten, DAP terus relevan di persada politik kerana nilai dan prinsip *social democrat*, *socialistic inclination* yang dipertahankan, manakala PKR terus mara dengan slogan keadilan untuk semua. Saya mengajak pimpinan Pemuda PR melangkah ke hadapan dengan nilai sejagat perjuangan ini serta membuktikan kepada Malaysia dan dunia bahawa kita mampu merealisasikan citi-cita perjuangan kita dengan penuh tanggungjawab.

Saya tidak rela untuk terperangkap dan terjerumus dalam jebak dan konflik permusuhan yang tak kunjung sudah yang mengheret kita Pemuda PR untuk terus bersangka buruk dan membiarkan minda rakyat terus dibelenggu oleh momokan dan persepsi PAS dengan Islam yang ganas serta DAP dengan sikap chauvanisnya atau parti perkauman Cinanya. Telah sampai masanya kita Pemuda PR memulakan era baru dengan menamatkan konflik ini secepat mungkin. Segala konflik diantara kita tidak akan dapat diselesaikan dengan hanya mengambil perhitungan politik puak dan perkauman, sentimen untung rugi pilihan raya semata-mata tetapi cara yang lebih bijak dan bertanggungjawab perlu diterokai. Gelanggang ilmu, persada pengetahuan dan pentas diskusi intelektual mesti disuburkan untuk kita mencambahkan politik berasaskan ilmu (*k-politic*) bagi kita mewajahkan semula perjuangan PR yang lebih menyakinkan. *Politicians think for the next election, statesmen think for the next generation.*

Dunia barat yang selama ini begitu memusuhi Islam dan penganutnya telah mula membuka jendela perbincangan melalui dialog peradaban, dialog Islam - Kristian yang diterokai oleh para sarjana dan cendekiawan kedua belah pihak. Tokoh-tokoh seperti Almarhum Ahmed Deedat, Sheikh Dr Yusuf al-Qardhawi, Sheikh Tariq Ramadhan, Sayyid Mohamed Khatami, John Esposito, John Voll dan lain-lain telah memainkan peranan mereka dalam konteks ini. Saya sangat berminat di atas usaha-usaha seperti ini disuburkan dan dibudayakan dalam pemikiran generasi muda negara kita. Dewan Pemuda PAS akan menginstitusikan Siri Syarahan Perdana Fadzil Nor (*Fadzil Noor Lecture Series*) sebagai syarahan tahunan Dewan Pemuda PAS bagi mempelopori pemikiran intelektual dalam memangkin kewujudan persefahaman budaya, menyelesaikan konflik dan menyuburkan ruang *engagement* dikalangan masyarakat majmuk dan persoalan global dewasa ini.

Saya yakin dan percaya bahawa rakyat Malaysia abad ke-21 ini tidaklah begitu jahil untuk menerima dasar perjuangan parti-parti dalam PR. Yang penting adalah iltizam dan keazaman kita Pemuda PR untuk memacu dan memperteguh peranan PR khususnya di negeri-negeri yang rakyat telah memberikan mandat kekuasaan kepada kita. Sekali lagi saya mewakili Dewan Pemuda PAS mengajak rakan-rakan sejawat saya dalam Pemuda PR untuk bersama-sama

bahu-membahu bagi menganjak paradigma ini. Biarlah sejarah menulis pada masa akan datang bahawa Pimpinan Pemuda PR hari ini telah mengukir satu legasi kerjasama dan persefahaman politik yang terpahat kukuh dipersada politik negara tercinta ini. Janganlah kita meninggalkan legasi yang rapuh, penuh kepura-puraan dan bila sampai masa akan terhapus dan hilang oleh peredaran zaman. Dalam konteks ini saya teringat apa yang pernah diungkap oleh bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew *“Mao Zedong is painting on a mosaic. Once Mao dies and the rains come, what he has painted will be washed away”*. (Mao melukis pada mozek. Apabila dia mati dan hujan yang turun akan membasuh segala yang dilukisnya)

HARAPAN ANAK MUDA MALAYSIA

Kita baru sahaja menyambut ulang tahun ke 50 kemerdekaan negara. Rakyat umumnya mengetahui bagaimana kemerdekaan kita ini diperjuangkan dengan keringat, airmata dan darah perwira-perwira negara. Kita membangun setapak demi setapak sehingga apa yang kita telah capai pada hari ini. Sebagai generasi muda satu persoalan yang amat penting ialah bagaimana kita akan menghadapi cabaran mengisi 50 tahun kedua yang bakal terbeban dibahu kita.

Dalam proses pembinaan negara bangsa (*Nation Building*) penglibatan generasi muda amat penting dan bermakna. Golongan muda bukan hanya bakal mewarisi tanahair mereka malah akan menentukan masa depan bangsa dan negara.

Generasi muda sepatutnya bukan hanya disogok dengan pembangunan tetapi mesti dilibat sama dalam merancang, mengatur dan membangunkan negara sehingga mereka berupaya menjadi peneraju dunia. Isunya sekarang apakah suasana, sistem dan budaya yang ada hari ini menghasilkan generasi pelapis yang berwibawa.

Pegangan hidup yang kukuh berteraskan agama, membina jatidiri, kebijaksanaan dalam meneraju kehidupan, memiliki kezaman politik dan kuasa politik, menegakkan perpaduan dan memperjuangkan kebebasan dan ketenteraman mestilah menjadi visi yang jelas kepada generasi muda yang bertanggungjawab kepada negara.

Selaras dengan hasrat ini Dewan Pemuda PAS akan menubuhkan sebuah Kelab Remaja Ibu Kota dan Kelab Penyokong Muda PAS yang akan merapatkan lagi interaksi antara belia dan remaja dan memberikan mereka ilmu dan pengetahuan dalam mengharungi kehidupan yang semakin mencabar.

PILIHAN RAYA 2008: UJIAN KEMENANGAN

Para hadirin dan hadirat yang mulia,

Kita sudah biasa menjadi pembangkang, kalah dan kalah dalam pilihan raya. Kita juga sudah sinonim dengan kesulitan, kesukaran, kepayahan dan apa jua bentuk cabaran. Tetapi kita belum biasa dengan kemenangan, kehormatan dan kekuasaan. Kita juga belum betah dengan kesenangan, kemewahan dan kekayaan. Tetapi Allah SWT telah mengizinkan kita mengecapi kemenangan yang kecil dalam pilihan raya 2008. Kita bersyukur apabila Allah SWT menganugerahkan kita bersama rakan-rakan dalam PR untuk memerintah negeri-negeri Kelantan, Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Tetapi kita jangan terlalu bergembira kerana kemenangan ini adalah satu ujian daripada Allah SWT. Ambillah ingatan daripada catatan Ibnu Khaldun dalam *al-Muqaddimah* tentang surat si ayah, Jeneral Tahir bin Husayn yang hidup dalam zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun al-'Abbasiy kepada anaknya yang dilantik sebagai gabenor Mesir;

"Adalah tugas kamu untuk mentaati Tuhan Yang Maha Esa, bertaqwa kepadaNya, dan awasilah (keadaan) rakyat kamu siang dan malam. Dengan pertolongan kesihatan yang baik anugerah Allah, tanamkan dalam diri kamu tabiat mengingati (Hari) Kebangkitan kamu dan tempat dimana kamu akan tujui, begitu juga perkara-perkara yang melibatkan kamu dipersoalkan di Hari Akhirat. Tanamkan juga dalam diri kamu cara bekerja tekun supaya di Hari Kebangkitan kelak, Tuhan kamu akan melindungi kamu dan menyelamatkan kamu daripada penyeksaan yang dahsyat."

Saya bukanlah seorang yang terlalu pesimis, yang takut dengan cabaran dan cubaan. Tetapi saya amat bimbang jika pimpinan dan ahli-ahli PAS terjerumus dalam jebak Hunain dan akhirnya kita bukan sahaja gagal mengisi kemenangan, bahkan tidak lagi dapat mempertahankan kemenangan ini pada masa hadapan. Ingatlah, bersama-sama kemenangan ini ialah segugus harapan daripada rakyat untuk melihat bagaimana parti yang berasaskan Islam menterjemahkan makna '*khairul ummah*' ini untuk membebaskan mereka daripada segala belenggu kezaliman, kerakusan dan penindasan regim BN. Rakyat pelbagai bangsa dan agama mahu menyaksikan bagaimana PAS menjadikan Islam sebagai satu agama yang merahmati sekalian alam. Dan inilah peluang terbaik kita untuk menolak segala momokan, fitnah dan tuduhan yang sering kali dilabelkan kepada Islam sebagai agama yang fanatik, ekstrem, ganas dan taksub, lalu menggantikan ia dengan slogan baru "*Islam for All*" dan "*Islam for Peace*"!

PAS Mesti Kekal Dalam Orbit dan Paksi Perjuangannya

Para perwakilan dan pemerhati yang dikasihi,

Firman Allah SWT:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢٤﴾

"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji!"

(Surah Al-Ankabut: Ayat 2)

Seperti yang telah saya tegaskan, kemenangan adalah satu ujian untuk mengukur sejauh mana keikhlasan kita dalam memperjuangkan agama Allah SWT. Mungkin kekalahan juga satu ujian untuk mengukur kesungguhan kita dan keimanan kita, tetapi kemenangan boleh menjadi pengukur yang lebih berkesan apakah selama ini kita berjuang kerana Allah SWT atau kerana kita 'gilakan' kuasa untuk memerintah. Dalam keadaan senang atau susah PAS dan kepimpinannya mesti berada tetap pada orbit dan paksi perjuangan yang sebenarnya. Sudah banyak fitnah yang kita dengar bahawa 'PAS sama macam Umno' atau 'PAS hanya gilakan kuasa'. Kemenangan ini boleh membuktikan apakah tuduhan itu benar atau tidak. Jika kita hanya mahukan kemenangan dan kuasa pemerintahan – nah! Kita telah memperolehinya. Tetapi jika kita bercita-cita untuk melaksanakan perintah Allah, nah! Ini peluangnya.

Kekuasaan adalah sesuatu yang boleh membuatkan kita lalai daripada landasan. Apabila kita sudah berkuasa, saya mengajak untuk kita terus hidup sederhana. Makan dengan makanan rakyat, pakai dengan pakaian rakyat, tinggal di rumah rakyat. Kita memutuskan apa sahaja kebijakan pemerintahan, mestilah untuk kepentingan rakyat. PAS tidak boleh membiarkan mana-mana pimpinannya atau wakil rakyatnya mula 'besar kepala' atau tidak lagi menghormati syura dan membelakangkan jamaah. Keputusan-keputusan parti hendaklah dihormati mengatasi segala kepentingan peribadi. Jika kita mengekalkan amalan syura dan mengutamakan jamaah dalam pentadbiran, nescaya kita tidak akan tergelincir daripada matlamat kita, "*Allahu ghayatuna*". Ingatlah daripada Allah kita datang, kepada Allah juga kita akan dipaksa kembali. Ingatlah doa Nabi Ibrahim AS,

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ
مِّنْ أَمْنٍ مِّنْهُمْ يَا اللَّهُ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat di antara mereka."

(Surah Al-Baqarah: Ayat 126)

Dalam doa ini terakam satu pemikiran politik Islam yang mencerakinkan tanggungjawab pemerintah untuk memastikan kestabilan politik dan kukuhannya pertumbuhan ekonomi negara. Tetapi tidak boleh sekali-kali kerajaan

membiarkan pemimpin dan rakyatnya terungkuai daripada ikatan iman kepada Allah SWT dan meyakini implikasi perbuatannya di Akhirat. Menjadi kewajipan bagi pemerintah untuk memastikan pemimpin dan rakyatnya sentiasa membina hubungan yang kukuh dengan Allah SWT serta menjalin hubungan mesra sesama mereka, lantas dapatlah mereka menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Tarbiyyah PAS – "Revolusi ke 2"

Untuk memastikan PAS terus berada pada landasan yang betul dan bertepatan dengan zaman, Dewan Pemuda PAS mahu sistem *tarbiyyah* parti disemak semula secara menyeluruh dan segera untuk dikaji keberkesannya terutama misi melahirkan kader-kader dan kepimpinan masa depan. PAS memerlukan anjakan "Revolusi ke 2" dan keberanian untuk melahirkan kepimpinan parti yang menepati acuan perjuangan kita sendiri. Satu penilaian semula secara objektif terhadap elemen-elemen terpenting dalam jemaah seperti akhlak dan sahsiah kepimpinan, kerahsiaan parti, kekuatan *ukhuwwah*, *wala'* terhadap kepimpinan dan disiplin serta pengurusan parti. Dewan Pemuda PAS merasakan semacam terhakisnya elemen-elemen terpenting yang disebutkan tadi yang lambat laun menjadi api dalam sekam yang memusnahkan perjuangan kita. Pemerkasaan program-program *tarbiyyah* mesti dipertingkatkan selaras dengan cabaran sosio-politik dan juga politiko-dakwah semasa.

Agenda *tarbiyyah* ini menjadi kewajipan nombor *wahid* dalam PAS sebagai gerakan Islam. PAS mesti digerakkan dengan *amal Islami* yang berteraskan 10 prinsip *bai'ah* yang telah digariskan oleh al-Imam as-Syahid Hassan al-Banna. Kesedaran ahli-ahli terhadap makna perjuangan Islam juga perlu dipugarkan semula supaya ahli tidak melihat kuasa atau sebarang bentuk habuan dunia sebagai matlamat gerak kerja Islam. Gejala *fikrah maddiyah* mesti dihapuskan, sebaliknya ahli-ahli PAS perlu sedar bahawa matlamat kita adalah *mardhatillah*. Melalui *tarbiyyah* ini kita mengharapkan kesatuan fikrah dan amal dapat diwujudkan, sekali gus menangani anasir-anasir luar yang boleh memecah dan melemahkan PAS. Lajnah *Tarbiyyah* juga hendaklah memastikan keseluruhan gerak kerja PAS berjalan di atas landasan *amal jama'ie* dan berpegang dengan prinsip *syura* yang dipandu oleh sumber wahyu.

Apabila kita memperoleh kejayaan dalam pilihan raya, sebahagian besar tenaga dan jentera kita telah bertukar menjadi jentera kerajaan. Kita akui bahawa ahli-ahli PAS dengan sendirinya menjadi mata, telinga, mulut dan tangan kerajaan. Kita sedar bahawa mesej dan dasar kerajaan tidak akan dapat disampaikan kepada rakyat tanpa bantuan kita semua. Tetapi, janganlah hendaknya kita mengabaikan gerak kerja parti semata-mata kerana memberi tumpuan kepada pentadbiran kerajaan. Peningkatan tugas ini terpaksa kita hadapi kerana kita adalah parti pemerintah. Tetapi antara urusan kerajaan dan urusan parti mestilah bergerak serentak supaya kekuatan kedua-duanya dapat kita bina. Tidak ada makna kita memiliki jentera kerajaan yang kuat, tetapi jentera parti yang lemah.

Parti bertanggungjawab membina ahli-ahli dari sudut *tarbiyyah* dan kepimpinan kerana mereka yang akan mendukung aspirasi parti dalam kerajaan. Parti sendiri mestilah memiliki organisasi yang kukuh kerana mereka adalah penggerak jentera kerajaan dan menjadi nadi dalam menghadapi musuh semasa pilihan raya.

Saya ingin mempertegaskan bahawa walaupun kita sudah mempunyai jentera kerajaan di semua peringkat di negeri yang kita memerintah, tetapi tidak bermakna kita boleh mengabaikan gerak kerja parti. Mesyuarat-mesyuarat parti disemua peringkat mestilah diteruskan, bahkan lebih kerap daripada biasa untuk memantau sistem penyampaian (*delivery system*) kerajaan. Dalam masa yang sama kita mesti pastikan organisasi parti terus bergerak dengan cekap dan berkesan. Cawangan-cawangan baru mesti diperbanyak dan cawangan lama perlu diperkasa. Jentera Unit Kerja Jamaah (UKJ) harus diperkembangkan diperingkat akar umbi supaya setiap hari kita dapat membangunkan individu-individu pemuda yang berpotensi untuk digilap sebagai tenaga baru perjuangan kita. Organisasi pilihan raya juga mesti berada dalam tahap yang sama seperti sebelum pilihan raya yang lepas. Proses pendaftaran pengundi baru, semakan pengundi, culaan pengundi dan mengenal pasti pengundi hantu mesti dibuat serentak dengan usaha membangunkan kemahiran jentera pilihan raya. Kita mesti belajar daripada kecuaiannya kita di Terengganu selepas 1999 yang akibatnya sehingga hari ini masih terkesan.

Mengurus Kemenangan

Para muktamirin yang mulia,

Dalam aspek yang lain, kemenangan kita dalam pilihan raya sebenarnya mendesak kita untuk lebih matang dalam menguruskan kemenangan ini supaya ia tidak menjadi liabiliti kepada kita kelak. Kematangan ini bukan hanya tentang kebolehan kita untuk melayani setiap kehendak rakyat atau memenuhi desakan rakan-rakan PR demi mengukuhkan kerjasama, tetapi juga kebolehan kita menterjemahkan pentadbiran baik mengikut prinsip-prinsip Islam. Kita harus lebih terbuka dalam memahami *maqasid al-syari'ah* supaya objektif Islam itu dapat diterjemahkan dengan lebih berkesan dan membentuk kefahaman yang lebih luas di kalangan rakyat. Pendekatan *siyasah syar'iyah* yang diambil juga mestilah memperlihatkan keupayaan Islam merahmati alam. Para *ulama'* kita perlu berfikiran terbuka untuk memberikan tafsiran-tafsiran hukum berasaskan *manhaj Malizi* (pendekatan Malaysia) yang kontemporari, tetapi tidak lari dari orbit al-Quran dan al-Sunnah sebagai piawai standardnya. Dewan Pemuda PAS akan mengadakan satu Seminar Pendekatan *Siyasah Syar'iyah* selepas muktamar ini untuk mewujudkan panduan urus tadbir di negeri-negeri yang dikuasai PR ke arah '*baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*'.

Kita menyeru supaya pimpinan di negeri-negeri PR memperjuangkan hak-hak, nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam yang termaktub dalam undang-undang tubuh

negeri-negeri. Dewan Pemuda PAS berjanji pada hari ini bahawa kita akan bersikap tegas sekiranya mana-mana kerajaan PR mengambil enteng tentang peranan Islam dalam pentadbirannya. Kita akan menjalankan tugas-tugas kepemudaan untuk melakukan *check and balance* terhadap kerajaan kearah urus tadbir baik (*good governance*). Kita bersedia untuk menegur secara diplomatik dan kita juga sanggup untuk mengambil pendekatan konfrank jika teguran-teguran kita tidak dilayan. Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Pemuda PAS Selangor kerana berani menegur beberapa kepincangan kerajaan negeri baik soal hukum agama mahupun soal ketelusan pentadbiran. Dewan Pemuda PAS tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba memperalatkan istilah-istilah seperti *siyasah syar'iyah*, *maqasid al-syari'ah*, *fiqh al-awlawiyyat*, *fiqh at-taghyir*, *fiqh al-waqi'* dan sebagainya untuk mencapai maksud politik yang tidak diredhai Allah SWT. Kita menolak pendekatan Machiavelism yang berasaskan doktrin matlamat menghalalkan cara dalam pentadbiran kita.

Kita juga mengesyorkan kepada pimpinan tertinggi supaya meningkatkan sistem kawalan pusat-pinggir (*central-periphery*) keatas Badan Perhubungan PAS negeri-negeri yang kita memerintah supaya kita dapat mewujudkan kerajaan dalam parti yang berkesan. Kita tidak mahu pimpinan negeri diberikan kebebasan penuh atau autonomi dalam menentukan dasar-dasar pentadbiran, sehingga pimpinan Pusat tidak dihormati keputusan mereka. Jika keadaan ini berlaku, ia bukan hanya memberi kesan buruk dalam penyelarasan keputusan, tetapi mungkin boleh menjejaskan keberkesanan jentera PAS keseluruhannya.

MEMBINA KEPEMIMPINAN KOMPETEN DAN BERTAQWA

Muktamirin sekalian,

PAS telah melalui satu era perjalanan dan pengalaman politik yang cukup panjang. Kewujudan PAS seangkatan dengan Umno. Berbekalkan khazanah pengalaman dan menekuni liku sejarah telah sampai masanya pimpinan PAS mengambil peranan memimpin dan bukan lagi sebagai pemain pinggiran dalam percaturan politik tanahair. Didukungi oleh lebih sejuta ahli dewasa ini, berbekalkan dengan sifat ketaqwaan yang menjadi teras kekuatan perjuangan, kepintaran pimpinan PAS biarlah bisa, sentuhan politiknya mestilah mengakar ke bumi dan menggapai ke langit.

Dari lipatan sejarah kita pelajari politik adalah seni yang serba mungkin, kita pelajari keindahan dan kepincangannya. Ramai tokoh-tokoh dunia yang rebah dan bangun diatas persada politik. Ramai yang percaya dalam permainan dan percaturan politik, ambillah iktibar diantara kewarakan Abu Musa al-Asyaari dengan kelicikan 'Amru bin Al-'As.

Serentak dengan anjakan minda kita dalam mengenegahkan keanjalan (*murunah*) Islam, kita juga memerlukan para pemimpin yang bersedia menganjak

paradigmanya. Telah saya perkatakan tadi bahawa kita mesti beralih kepada pemikiran negarawan daripada pemikiran bangkangan. Kita tidak boleh berfikir seputar tentang kalangan kita sahaja atau untuk kepentingan kelompok kita sahaja, sebaliknya kita mesti mula belajar berfikir tentang rakyat seluruhnya, berfikir tentang kebajikan bangsa bukan Melayu, memberati kepentingan orang bukan Islam, menjuarai isu-isu bukan agama, prihatin terhadap orang bukan PAS, bahkan mengambil berat persoalan-persoalan antarabangsa juga. Kita mesti meninjau sama persoalan-persoalan yang lebih besar seperti pentadbiran negara, pengurusan ekonomi awam, perancangan dasar-dasar awam dan sebagainya, yang sedang mendesak kita untuk memiliki kemahiran-kemahiran tambahan. Ahli-ahli Pemuda mesti sentiasa memperdalam ilmu dalam pelbagai bidang, tidak terhenti dengan kemahiran agama yang menjadi *fardhu 'ain* sahaja, sebaliknya kemahiran keduniaan yang menjadi *fardhu kifayah* juga dipertingkatkan.

Anjakan ini saya serukan kepada saudara semua sebagai persediaan untuk melahirkan pimpinan yang kompeten dari sudut kebolehan pengurusan dan pentadbiran, selain memiliki *syakhsyyah* yang cemerlang. Pada hari ini, ahli-ahli PAS diperakui kerana kecemerlangan akhlak dan kebolehan agamanya, tetapi kita tidak diyakini dalam aspek keupayaan menguruskan negara. Perkara ini mesti kita bina segera kerana ia sudah menjadi suatu yang mendesak kepada PAS terutama menjelang runtuhnya hegemoni Umno/BN. Kita menyeru Institut Latihan Kepemimpinan dan Perkaderan Dakwah Islamiyyah (ILHAM) supaya merancang program pembangunan ahli-ahli dengan lebih tersusun, terutama dalam melahirkan tenaga-tenaga *ulama'* yang kompeten dalam pentadbiran. Dewan Pemuda PAS sendiri sudah menubuhkan Pusat Latihan Akademi Kepemimpinan Pemuda (AKP) di Kelantan bagi maksud ini. Mulai bulan hadapan, latihan-latihan intensif akan kita laksanakan kepada kepimpinan Pemuda peringkat Negeri dan Kawasan, dan kita berharap setiap ahli Pemuda mewajibkan diri masing-masing untuk mengikuti latihan ini. Tetapi ini tidak bermakna ahli-ahli Pemuda memadai mengikuti kursus jangka pendek yang kita sediakan, sebaliknya mereka mesti menambahkan usaha untuk terus belajar dimana sahaja untuk menguasai ilmu-ilmu baru yang boleh meningkatkan pembinaan kapasiti diri masing-masing.

Program pembangunan keupayaan kepemimpinan ini adalah amat mustahak bagi PAS kerana generasi pelapis mestilah memiliki kebolehan yang lebih tinggi daripada pemimpin yang ada hari ini. Ia bukan sekadar persiapan untuk kita mengambil alih pemerintahan negara, tetapi juga untuk memenuhi keperluan kepemimpinan pada masa depan yang lebih mencabar. Kita mesti belajar untuk bergerak dalam satu pasukan kepimpinan yang berkesan, bukannya lagi secara individu. Kita sudah berupaya melahirkan *murabithun* di semua peringkat, tetapi malangnya kebolehan para *murabithun* untuk menjadi pemikir masih ditahap yang rendah. Kita tertunggu-tunggu pimpinan baru yang berupaya mencetuskan wawasan besar, berfikiran matang dan menjangkau jauh ke hadapan. Kegagalan kita melahirkan pemimpin-pemikir (*qiyadah-mufakkir*) telah mengakibatkan

kelesuan perjuangan kita. Saya mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin Pemuda yang ada supaya memulakan budaya penyelidikan melalui institusi-institusi persendirian. Lebih penting jika boleh mewujudkan pasukan pemikir dan institusi pemikir persendirian yang boleh membantu meningkatkan keupayaan kognitif kita dalam perjuangan. Kita melihat pemimpin-pemimpin besar dunia memiliki beberapa pusat kajian untuk membantu mereka menjadi pemimpin yang baik, dan tiada sebab untuk kita tidak memulakan langkah yang sama demi kecemerlangan gerakan kita.

Kepemimpinan Ulama': Penilaian Semula

Semasa PAS menghadapi kemelut dalam krisis kepemimpinan pada 1982, Dewan Pemuda PAS telah membawa satu gagasan baru dalam PAS iaitu Kepimpinan *Ulama'* bagi meletakkan semula PAS pada landasan yang betul dan kukuh dalam pergerakan Islam di negara ini. Hasilnya PAS telah dapat berdiri sendiri semula dan berterusan melaksanakan gerak kerja parti dengan lebih teratur serta mampu menangani politik semasa dengan hemat dan cermat. Pemimpin PAS pergi dan datang tetapi prinsip perjuangan PAS dan pendirian parti tidak berubah meskipun usia PAS dimamah usia.

Kini gagasan Kepimpinan *Ulama'* yang diperkenalkan didalam PAS sudah mencapai zaman jubli peraknya. Sepanjang 25 tahun ia dipegang kukuh oleh ahli-ahli PAS, PAS terus mencipta sejarah dengan kemenangan semula pemerintahan di Kelantan dari tahun 1990 hinggalah ke hari ini. PAS juga dapat menangani pelbagai masalah besar dalam parti dan dalam negara apabila institusi Majlis Syura *Ulama'* menjadi tempat rujukan parti.

Kini perubahan zaman menuntut *ulama'* supaya maju beberapa langkah lagi untuk memastikan peranan mereka lebih berkesan dan lebih relevan dalam dunia kontemporari. *Ulama'* juga perlu lebih proaktif dalam meneliti fenomena masa kini, menangani kerencaman isu dan masalah moden, serta memimpin perubahan dalam masyarakat masa kini. Dewan Pemuda PAS tidak mahu melihat *ulama'* berada dalam zon selesa dalam gagasan Kepimpinan *Ulama'*, *sehingga* sebahagian *ulama'* mengambil sikap reaktif kepada isu atau fenomena yang berlaku dan tidak membuat persediaan lebih rapi untuk menangani perkara mendatang. Justeru, Dewan Pemuda PAS Pusat akan menganjurkan satu Seminar Kepimpinan *Ulama'*: Satu Penilaian Semula. Antara lain tujuan seminar ini ialah untuk melihat semula dari pelbagai aspek dalam meneliti keberkesanan gagasan Kepimpinan *Ulama'* dalam PAS sepanjang 25 Tahun ini.

Peningkatan Fungsi di Parlimen

Para hadirin sekalian,

PAS pada hari ini mempunyai 22 orang ahli Dewan Rakyat dan tiga orang ahli Dewan Negara. Di kalangan pemimpin Dewan Pemuda PAS sendiri, beberapa

orang sudah bergelar Yang Berhormat. Ini bermakna kita mempunyai satu lagi peranan iaitu sebagai pembangkang yang berkesan di negara ini. Berkesan bukan bermaksud membangkang segalanya atau sentiasa 'membuat bising' untuk menggugat kerajaan yang ada. Tetapi pembangkang yang berkesan ialah apabila kita boleh menjadi pembangkang berwibawa (*credible opposition*) dan pembangkang taat (*loyal opposition*), yang bersedia duduk semeja dengan kerajaan untuk kepentingan rakyat dan kita sanggup memberikan konsensus untuk kepentingan negara.

Walaupun kita masih bergelar pembangkang di Parlimen, kita mesti meningkatkan peranan kita supaya rakyat melihat tawaran-tawaran kita untuk menggantikan BN sebagai munasabah. Isu-isu yang kita ketengahkan dalam manifesto, walaupun tidak dapat dilaksanakan, tetapi ia mesti dibawa ke Parlimen supaya kesengsaraan rakyat dapat kita suarakan sesuai dengan kehadiran kita kerana *makkal sakti* (*people's power*). Sebagai pembangkang yang berkesan kita mestilah mampu mengemukakan alternatif berwibawa kepada kuasa majoriti (kerajaan), tidak sekadar mengkritik kerajaan, tetapi juga bekerja ke arah ketelusan, integriti dan kecekapan dalam mengendalikan hal ehwal rakyat, menangani penyalahgunaan kuasa dan memastikan kepentingan rakyat dipertahan, selain terlibat dalam mempromosikan hak asasi manusia, dan membantu menyempurnakan fungsi-fungsi demokrasi. PAS boleh menjadi penghubung yang berkesan antara rakyat dan kerajaan BN, memainkan peranan untuk memastikan kerajaan BN bertindak mengikut kehendak rakyat, membongkarkan penyelewengan kerajaan BN serta menawarkan program alternatif yang lebih baik.

Kita harus sedar bahawa PAS bersama PR pada masa ini adalah kerajaan alternatif kepada BN, bukannya pembangkang pinggiran, dengan maksud kita harus memperlihatkan kepada rakyat kewibawaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban kita sebagai kerajaan menunggu. Ahli-ahli Parlimen PAS tidak boleh memencilkan diri kerana mereka adalah pembuat undang-undang (*legislature*) yang sah, maka peranan yang lebih besar perlu dimainkan untuk memastikan setiap undang-undang memberikan kesan positif kepada rakyat. Selain di Parlimen, wakil rakyat kita juga mesti aktif dalam masyarakat sivil terutama dalam membina hubungan dengan pertubuhan bukan kerajaan, media massa dan juga pentadbir awam, kerana mereka adalah penghubung antara PAS dengan rakyat. Saya mengengahkan persoalan ini adalah kerana kita tidak mahu lagi dianggap sebagai '*partisan politics*' yang membawa implikasi negatif terhadap potensi kita, sebaliknya kita mahu diiktiraf oleh kerajaan sebagai '*His Majesty's Opposition*', dan diperakui oleh rakyat sebagai alternatif yang berwibawa.

Pemeriksaan Rakyat

Para muktamirin sekalian,

Semenjak kekalahan mengejut BN dalam pilihan raya yang lepas, pelbagai isu yang menyentuh kepentingan rakyat telah berlaku. Peningkatan kadar inflasi mendadak terutama melibatkan keperluan asas seperti makanan dan pengangkutan telah gagal ditangani secara berkesan oleh kerajaan BN. Jika sebelum ini rakyat berhadapan dengan kenaikan harga dan kekurangan bekalan makanan seperti gula, gandum, minyak masak dan beras, pada hari ini, kerajaan BN menjadikan kenaikan harga minyak dunia sebagai alasan untuk membebaskan rakyat dengan kenaikan harga petrol dan diesel mencecah 41 peratus. Rata-rata rakyat tidak nampak apakah keuntungan yang dinikmati oleh rakyat hasil pengurangan subsidi pada kali ini, lebih-lebih lagi pengurangan pada 2006 sebanyak RM4 bilion juga gagal mendatangkan manfaat kepada rakyat. Kita hairan bagaimana keuntungan besar Petronas tidak dapat membantu rakyat untuk hidup lebih selesa, sedangkan jutaan hasil Petronas dibazirkan untuk projek-projek mega dan megah. Dewan Pemuda PAS berasa hairan mengapa kerajaan harus menunggu sehingga September untuk menurunkan harga minyak, sedangkan negara pengimport seperti Singapura sudah beberapa kali menurunkannya semenjak kejatuhan semula harga minyak dunia. Kita mendesak supaya kerajaan menubuhkan Majlis Tindakan Krisis Tenaga Negara untuk mengkaji dan merancang satu pelan induk bagi menangani krisis tenaga. Dewan Pemuda PAS bersedia menawarkan kepakaran untuk membantu kerajaan dalam soal ini.

Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan-kerajaan PR yang begitu prihatin terhadap kepentingan rakyat, khususnya dalam mengurangkan beban hidup mereka ketika inflasi sedang mendesak ini. Saya telah menerima maklum balas positif daripada rakyat tentang kejayaan Kelantan memperkenalkan Skim Takaful Armalah dan Takaful Kifalah, begitu juga projek jihad ternak yang diusahakan. Di Selangor, keupayaan kerajaan mengotakan janji untuk memberikan air percuma membuktikan PR adalah kerajaan yang benar-benar pro rakyat. Begitu juga ketegasan kerajaan Kedah mempertahankan sawah padi rakyat daripada ditelan oleh projek ZIPY dan kesungguhan kerajaan Perak memberikan geran pemilikan kekal kepada 134 buah kampung baru ke atas tanah yang didiami apabila kerajaan negeri membuat keputusan membenarkan mereka memiliki tanah tersebut. Saya juga mengalu-alukan keterbukaan Ketua Menteri Pulau Pinang yang mengemukakan dasar-dasar yang merentasi persoalan kaum, agama dan fahaman politik dalam membangunkan negeri itu. Inilah perbezaan pentadbiran yang dijanjikan oleh PR yang sentiasa mendahulukan rakyat daripada pemimpin, berbanding dasar-dasar korup BN yang sentiasa menindas rakyat untuk membuncitkan perut pemimpin.

Sikap biadap BN ini bukan hanya ditujukan kepada rakyat secara langsung, tetapi juga kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Kita sudah biasa mendengar bagaimana Umno/BN mewujudkan struktur kerajaan haram di Kelantan. Kita juga sudah mendengar bagaimana sekatan ekonomi dilakukan dengan melambatkan bayaran geran wajib, begitu juga rompak royalti minyak yang berlaku di Terengganu. Hari ini, mereka melebarkan lagi tekanan dengan

mencerobohi konsep federalisme termasuk membatalkan MOU pelancongan, menubuhkan JKKK "palsu" di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan mempengaruhi penghulu supaya tidak memberikan kerjasama kepada kerajaan negeri. Ini adalah contoh pendekatan pentadbiran terdesak BN yang sanggup melakukan apa sahaja untuk survival politik sempit mereka. Kita tidak berasa pelik dengan tekanan seperti ini tergamak dilakukan, kerana Umno/BN pernah berpengalaman melakukan yang lebih dahsyat daripada itu – menabalkan 'Sultan haram' di Kelantan.

Yang menjadi persoalan kepada rakyat ialah ketika bebanan inflasi ini gagal diuruskan dengan berkesan oleh kerajaan BN, isu-isu penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa terus diperkatakan. Saya tidak mahu menyentuh tentang isu yang sedang disiasat membabitkan Ketua Polis Negara dan Peguam Negara berkaitan konspirasi 1998 dan juga isu liwat yang terbaru ini, juga isu dakwaan pembabitkan Timbalan Perdana Menteri dengan isu Altantuya yang sedang dibicarakan di mahkamah. Tetapi kita mendesak siasatan dibuat ke atas dakwaan Menteri Besar Terengganu tentang rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku dalam beberapa projek di Terengganu pada zaman Dato' Seri Idris Jusoh. Kita ingin tahu siapakah sebenarnya di sebalik penyelewengan lebih RM7 bilion royalti minyak yang disalurkan atas nama wang ehsan. Mengapa isu pembelian kereta Mercedes dibesarkan dan isu penyelewengan ini disembunyikan? Inikah maksud integriti yang dilaungkan oleh pendukung Islam Hadhari? Kita bergembira apabila kerajaan BN memperakui kesilapan mereka dalam kes *fiasco* Tun Salleh Abbas pada 1988 yang menyebabkan runtuhnya institusi kehakiman di negara ini. Tetapi kita mempersoalkan tentang *ex-gratia* yang diberikan, bukan jumlahnya, tetapi mengapa *ex-gratia*? Ia bukan saguhati kepada hakim-hakim teraniaya, tetapi ia sepatutnya merupakan pampasan dan bekas-bekas hakim kanan ini patut dibayar pampasan dan pencen mereka sebagai tanda kesal di atas kebobrokan Umno/ BN dahulu.

Sudah banyak isu-isu besar yang berlaku semenjak 2003 dan perubahan sikap komponen BN di Sabah membuktikan bahawa rakyat sudah hilang percaya kepada kepimpinan BN hari ini. Tetapi rakyat belum berupaya menjatuhkan kerajaan kerana kelemahan masyarakat sivil kita. Tahap kesedaran politik dan kesediaan untuk melakukan perubahan politik masih rendah. Saya menyeru kepada seluruh rakyat supaya melakukan pengemblengan dan mobilisasi tenaga rakyat melalui institusi-institusi masyarakat. Pemerksaan ini akan menjadi batu penghalang kepada sikap biadap kerajaan BN dalam mencerobohi atau menindas hak rakyat. Pada hari ini rakyat hanya mampu menggelengkan kepala sahaja apabila harga minyak dinaikkan atau beras keputusan bekalan. Rakyat tidak berupaya untuk berkata TIDAK atau memaksa kerajaan bertindak bagi pihak rakyat apabila tercetus sesuatu isu melibatkan kepentingan mereka. Saya berharap para Pemuda PAS di semua peringkat, khususnya akar umbi supaya menjadi nadi dalam memperkasakan rakyat menerusi insituti-institusi masyarakat sivil di peringkat terkecil.

Misi Dakwah : Memahat PAS Dalam Jiwa Rakyat Malaysia

Para hadirin sekalian,

Pilihanraya Umum ke 12 telah menyaksikan peristiwa unggul dalam sejarah politik tanah air. Dewan Pemuda PAS begitu terharu dan kagum dengan keberanian pengundi bukan Melayu dan bukan Islam yang bersedia memberikan sokongan mereka kepada PAS dan parti-parti komponen PR. Kalau sebelum ini rakyat dimomokkan dengan pelbagai ketakutan kononnya negara akan menjadi huru hara dengan perubahan pimpinan kerajaan dari BN kepada parti pembangkang selepas pilihan raya, tetapi Pilihan Raya Umum ke-12 mengesahkan tidak ada pertumpahan darah walaupun setitik apabila PR berjaya menguasai 4 lagi negeri dari BN. Lanskap politik Malaysia diwarnai dengan kemenangan PR yang telah ditentukan oleh kuasa rakyat atau *people's power*. Rakyat Malaysia kini tidak takut untuk berubah sikap serta undi mereka dan sanggup berkorban untuk mengambil risiko dengan merubah kerajaan yang ada. Inilah suatu lipatan sejarah yang amat luar biasa dalam negara ini. Dewan Pemuda PAS mengambil kesempatan dalam Muktamar tahun ini untuk merakamkan tahniah kepada rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama yang berani membuat perubahan dan ucapan jutaan terima kasih kepada mereka di atas sokongan dan kepercayaan mereka kepada PR. Semoga sokongan mereka kepada PR akan berterusan pada hari-hari seterusnya.

Semenjak 1982, Dewan Pemuda PAS berusaha memecahkan benteng perkauman bagi membolehkan gerakan kita diperluaskan. PAS telah meneroka langkah proaktif melalui penubuhan Majlis Perundingan Cina (CCC) pada 1986, kemudian melalui GERAK kita mula duduk semeja dengan orang bukan Melayu atas nama keadilan pada 1998. Kita melihat peningkatan sokongan orang bukan Melayu yang mendadak kepada PAS sehingga ada cadangan membuka keahlian kepada orang bukan Islam. Pada hari ini langkah kita mulai pantas ekoran kejayaan menubuhkan Kelab Penyokong PAS yang telah tumbuh dengan banyak di seluruh negara. Saya mengesyorkan kepada PAS Pusat agar mencari mekanisme terbaik untuk mempertingkatkan peranan kelab-kelab ini. Sebetulnya medan dakwah kita telah bercambah. Kelab-kelab ini tidak boleh terhenti sekadar satu kelab politik sahaja, tetapi ia mesti disertakan dengan agenda dakwah supaya orang-orang bukan Islam memahami dasar perjuangan PAS.

Ini adalah kesempatan terbaik untuk mengorak langkah ke hadapan bagi menjelaskan apakah sebenarnya Islam yang menjadi dasar dan matlamat perjuangan PAS. Selama ini orang bukan Islam telah dikelirukan oleh agenda jahat media yang melabelkan Islam dengan keganasan, fanatik, ekstrem dan sebagainya. Yang digemburkan ialah hukum Islam sebagai hukum yang kejam dan menindas orang bukan Islam. Kini Allah SWT telah membuka jalan kepada kita untuk memperjelaskan kepada orang bukan Islam tentang makna Islam, agenda keadilan, persamaan dan '*universalisme*' Islam. Saya amat percaya bahawa rakan-rakan di kalangan kaum Tionghua dan India, mereka menolak

PAS bukan kerana bencikan PAS, tetapi dikelirukan tentang Islam. Kepada Pemuda- Pemuda PAS, bukan sekadar kita memberikan bendera PAS kesetiap pintu rumah rakyat, kita juga mestilah memahat kepercayaan ini kedalam setiap hati rakyat dalam negara ini. Kerana itu, saya sangat optimis jika Islam dapat diperjelaskan kepada mereka secara syumul, mereka tidak lagi ragu-ragu untuk terus menyokong PAS.

Di kalangan orang-orang Islam sendiri, gerakan dakwah juga mesti dilipatgandakan. Kini di negeri-negeri yang diperintah oleh PR, kita tidak lagi bermasalah untuk mengadakan program-program agama kepada masyarakat. Saya berharap beberapa lajnah yang berkaitan menyusun gerak kerja yang lebih efektif supaya PAS boleh berada dalam urat nadi masyarakat. Tumpuan untuk golongan remaja mestilah diberikan perhatian yang khusus kerana gejala sosial yang semakin menggila pada hari ini. Saya berterima kasih kepada Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan yang saban tahun mengadakan ekspedisi dakwah pada malam-malam sambutan tahun baru atau sambutan kemerdekaan dengan tujuan menyedarkan para remaja tentang ketelanjuran aktiviti mereka. Selain Lajnah Pembangunan Remaja dan Jabatan Pembangunan Mahasiswa juga mestilah prihatin terhadap masalah ini. Peningkatan masalah sosial dikalangan pelajar bukanlah suatu perkembangan yang boleh dipandang sebelah mata. Program pembangunan mahasiswa mesti disediakan dalam satu rangka khusus kearah melahirkan generasi pelapis yang berwibawa. Pindaan AUKU yang akan memberikan ruang kepada pemimpin politik untuk terlibat sama dalam pembangunan mahasiswa mesti dimanfaatkan sepenuhnya. PAS bersedia untuk menyertai mana-mana sesi intelektual anjuran IPT dalam apa jua topik demi membina kematangan generasi baru.

CABARAN PERJUANGAN DEKAD BARU

Para hadirin dan hadirat sekalian,

Kita sudah berada di hujung dekad pertama alaf ini. Mendepani dekad baru ini menjadi cabaran yang amat besar kepada gerakan Islam kerana kita telah melihat bagaimana satu demi satu kesucian Islam dicabar. Isu-isu murtad yang begitu lama terbiar kini telah bertukar menjadi krisis. Kita sudah melihat bagaimana seorang yang asalnya Islam secara terbuka memohon untuk keluar daripada Islam dan sudah terjadi golongan mualaf berjaya dalam permohonannya untuk kembali ke agama asal. Dalam aspek yang lain, saudara-saudara baru kita masih tidak mendapat pembelaan apabila memeluk agama Islam. Anasir ini boleh membentuk krisis perkauman dan sentimen agama yang amat berbahaya kepada sebuah masyarakat majmuk jika tidak diuruskan secara berhikmah. Bagi orang Islam sendiri, perkembangan ini sebenarnya adalah satu ujian aqidah bagaimana mengukur tahap sensitiviti aqidah kita apabila Islam dicabar.

Pergolakan ini mempunyai kaitan yang amat rapat dengan agenda Islam liberal yang ditaja oleh musuh-musuh Islam untuk menghidupkan faham neo-Muktazilah. Pendukung pluralisme agama sengaja menjadikan masyarakat majmuk sebagai alasan untuk membentuk jalan singkat kepada kemurtadan. Kita tidak berasa pelik apabila sembilan menteri bukan Islam menghantar memorandum kepada Perdana Menteri dalam isu *moral policing*, tetapi kita terkejut bila ada menteri yang beragama Islam turut mengambil sikap yang sama. Kita tidak tersentak jika orang bukan Islam menolak poligami, tetapi kita sangsi apabila keluarga terdekat Perdana Menteri sendiri mengetuai gerakan anti poligami ini. Mereka memperalatkan istilah hak asasi manusia, kebebasan dan hak individu untuk menafikan ajaran-ajaran agama dan tanggungjawab terhadap masyarakat. Inilah manifestasi daripada agenda Islam Hadhari yang membawa kepada kekeliruan agama. Keruntuhan moral dan gejala sosial tidak lagi dilihat dari sudut pandangan agama, tetapi hanya dalam kerangka sains sosial semata-mata.

Tekanan Ke Atas Umat Islam Global

Para hadirian sekalian,

Tahun ini merupakan ulang tahun ke-60 penjajahan Zionis Yahudi ke atas Palestin untuk menubuhkan negara haram Israel. PAS semenjak hari penubuhannya lagi telah memperkatakan isu ini dan PAS *istiqomah* dengan sikapnya yang mahu bumi Palestin dibebaskan sepenuhnya daripada penjajahan ini. Sejarah mencatatkan bagaimana Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy dua kali dipenjarakan oleh British kerana memperjuangkan isu ini, dan pada 2000, saya bersama tiga pemimpin PAS dihumban dalam penjara kerana membantah pengiktirafan Malaysia terhadap negara haram tersebut. Hari ini saya mengulangi penegasan ini bahawa umat Islam tidak akan berdiam diri dengan kegelojohan Zionis membentuk negara haram dengan sokongan Amerika Syarikat dan British. Dewan Pemuda PAS amat kesal di atas kegagalan Malaysia memimpin OIC dalam memperjuangkan isu Palestin, sedangkan kerana Palestinlah, OIC ditubuhkan dahulu.

Di selatan negara kita, kewujudan Singapura tidak ubah seperti wujudnya Israel di bumi Arab. Singapura dahulunya adalah sebahagian daripada kerajaan Melayu Johor-Riau, tetapi kerana politik licik penjajah, ia jatuh ke tangan bangsa asing. Kita menerima hakikat bahawa Singapura telah menjadi negara berdaulat pada hari ini. Tetapi kita tidak dapat menerima sikap biadap negara pulau itu terhadap jiran-jirannya. Kelemahan Kerajaan BN telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Singapura untuk menolak projek Jambatan Bangkok, menguasai Iskandar Malaysia, mengambil alih kedaulatan ke atas Pulau Batu Putih, dan kini mereka sedang berusaha untuk mendapatkan hak zon ekonomi eksklusif (ZEE) di perairan batuan itu. 50 tahun dahulu pimpinan PAS telah memperingatkan bahawa Singapura akan menjadi Israel di rantau ini jika Malaysia bersikap acuh tak acuh, kini ingatan PAS sudah menjadi realiti. Kita sangat kesal kerana

kerajaan BN tidak mahu belajar dari sejarah sehingga kesilapan demi kesilapan berulang. Jika dahulu Abdullah Munshi melakukan kesilapan kerana merundingkan pengambilalihan Singapura oleh Stamford Raffles pada 1819, hari ini Abdullah Badawi pula mengulangi kesilapan serupa dengan membiarkan Singapura terus melakukan neo-colonialism di Iskandar Malaysia melalui projek sulit 'Singapura Raya' (*Greater Singapore*).

Sebagai sebuah gerakan Islam, Dewan Pemuda PAS tidak melupakan nasib saudara-saudara kita yang ditindas di seluruh dunia. Dari Mindanao hingga Afrika umat Islam dianiaya, di Eropah dan Amerika mereka dilayan sebagai warga kelas dua. Kita sedar semua hakikat ini, kerana itu kita berusaha supaya jaringan gerakan Islam di seluruh dunia dipertingkatkan semula. Kita mahu organisasi Islam global seperti *World Assembly of Muslim Youth (WAMY)*, *International Islamic Federation of Students Organization (IIFSO)* dan *Rabitah al-Alami al-Islamiy* diperkasakan. Telah lama jaringan ini menjadi kendur, tetapi belum ada usaha yang giat digerakkan bagi memanfaatkan kecanggihan teknologi untuk merangsang semula kebangkitan. Kita belum memiliki sebuah organisasi kemanusiaan bertaraf antarabangsa seperti Palang Merah untuk membantu umat Islam dilanda bencana, dan kita juga belum memiliki stesen tv satelit atau webtv yang setanding al-Jazeera untuk memberikan maklumat alternatif. Kita juga belum mempunyai kerjasama ekonomi yang kukuh bagi mewujudkan komuniti perniagaan Islam global dan penyediaan produk halal. Saya menyeru kepada pimpinan PAS supaya mengerakkan jaringan gerakan Islam antarabangsa supaya ia lebih proaktif terhadap isu-isu umat Islam global, bukan sekadar terhenti di perbatasan geografi dan politik masing-masing. Saya juga berharap agar kita dapat menggerakkan semula AMSEC dan AFMY sebagai pertubuhan belia Islam peringkat serantau. Kita percaya banyak ruang yang boleh kita bangunkan untuk kepentingan ummah jika umat Islam kembali bergerak ke arah '*wehdah islamiyyah*'.

PEMUDA PAS PASCA MUKTAMAR

Para pemuda harapan umat sekalian,

Kita bersidang dalam muktamar di Ipoh ini dengan satu tujuan murni untuk mendaulatkan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. Perjuangan kita selama 55 tahun belum lagi mengenal penat dan lelah. Dan hari ini kita menyambung perjuangan yang diwariskan oleh generasi terdahulu. Mereka telah melaksanakan tanggungjawab dengan jayanya dan menyerahkan baton perjuangan kepada kita untuk terus menggerakkan PAS menuju ke matlamatnya. Dewan Pemuda PAS sejak dahulu menjadi institusi untuk melahirkan pimpinan PAS, dan kita berhasrat supaya peranan ini terus dimainkan terutama untuk melahirkan generasi kepemimpinan baru yang lebih berilmu, matang dan berkeupayaan menangani keperluan semasa dalam gerakan politik dan dakwah PAS pada masa hadapan.

Bagi menggerakkan beberapa tekad ini, Dewan Pemuda PAS telah berusaha memperkasakan organisasi menerusi Unit Kerja Jamaah (UKJ). Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh kepimpinan Dewan Pemuda PAS, terutama di peringkat kawasan yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang begitu memberangsangkan. Saya amat yakin bahawa jika perkembangan positif ini berterusan selepas muktamar ini, kita sebenarnya sedang bersedia untuk mengambil alih peranan Umno untuk memajukan umat di negara ini. Dengan perkembangan ini juga, Dewan Pemuda PAS sudah bersedia untuk mengangkat perwakilan kawasan ke muktamar tahunan. Saya berharap mekanisme organisasi, kepemimpinan dan komunikasi yang kita gerakkan di bawah UKJ akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam maksud menggerakkan setiap usrah sebagai unit yang bekerja dalam jamaah.

Bagi meningkatkan lagi kecergasan organisasi Dewan Pemuda PAS, mulai tahun hadapan, kita akan mewujudkan jentera Pemuda MTD di semua DUN seluruh negara sebagai sebahagian daripada rangkaian organisasi kita. Dalam masa yang terdekat selepas Ramadhan ini, satu taklimat tentang organisasi Pemuda MTD akan dibuat untuk menjelaskan struktur organisasi dan gerak kerja mereka dalam mengukuhkan jentera PAS keseluruhannya. Jentera Pemuda MTD ini akan memainkan peranan penting sebagai jentera pilihan raya pemuda, pengurus program mendekati pengundi muda, pemantau usrah dan penyelaras UKJ di peringkat DUN. Kita berkeyakinan dengan kewujudan jentera Pemuda MTD ini akan mempercepatkan proses pengemasan organisasi, sekali gus mengakarkan lagi jentera Pemuda PAS peringkat akar umbi.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada pasukan Unit Amal yang semakin cemerlang memahat keyakinan rakyat dihati rakyat Malaysia. Kepada Jabatan PASTI kita ucapkan syabas diatas perasmian bangunan baru dan diharap terus mendepani cabaran menempatkan diri dalam dunia pendidikan. Kepada Setiausaha Dewan Pemuda Pas Pusat saya merakam ucapan terima kasih di atas komitmen beliau yang tinggi dalam mewajahkan sistem pengurusan dan pentadbiran pemuda yang begitu efisien.

Dewan Pemuda PAS juga akan mewujudkan kerjasama pintar dengan Dewan *Ulama'* PAS, khususnya Jawatkuasa Urusan *Ulama'* PAS Kawasan bagi melahirkan generasi *ulama'* muda yang mampu mewarisi kepimpinan *ulama'* yang ada. Dewan Pemuda PAS menginsafi suasana yang ada hari ini amat mendesak kepada perancangan yang tersusun ke arah membentuk para *ulama'* muda untuk mempertingkatkan keupayaan ilmu, kemahiran organisasi, kecekapan pengurusan dan kapasiti kepemimpinan ke arah mengekakan *ulama'* sebagai kepemimpinan *al-amin*. Kita akan memanfaatkan Jabatan Pembangunan Mahasiswa dan AKP untuk tujuan ini.

Selepas Muktamar ini, perhatian seluruh rakyat akan tertumpu ke Permatang Pauh kerana Ketua Umum PKR akan bertanding dalam pilihan raya kecil di sana. Pilihan raya ini amat penting bagi kita setelah minda rakyat terperangkap

dalam permainan kotor BN dalam isu muzakarah baru-baru ini. Setelah PAS membuat keputusan tegas untuk menolak sebarang bentuk kerjasama politik dengan BN, inilah peluang terbaik untuk PAS membuktikan bahawa kita masih setia dengan PR. Saya dengan ini mengarahkan seluruh jentera Pemuda PAS di semua peringkat supaya turun menggempur Permatang Pauh bagi melenyapkan keangkuhan BN. Dewan Pemuda PAS akan membuka Markaz Besar untuk jentera pilihan raya kita dan Pemuda PAS hendaklah bekerja sepenuh hati untuk memastikan Datuk Seri Anwar Ibrahim mencatatkan kemenangan besar dalam pilihan raya ini, sekaligus merapatkan semula jentera PR dalam menghadapi BN.

Saya mengambil kesempatan daripada muktamar ini untuk memetik pepatah Melayu Mekasar yang memperkatakan soal perjuangan pemuda. Prof Hamka yang memetik pepatah ini menyebutkan,

"Anak laki-laki tidak boleh dihirau panjang, hidupnya ialah buat berjuang, kalau perahunya telah dikayuhnya ke tengah, dia tak boleh surut palang, meski bagaimana besar gelombang. Biar kemudi patah, biarkan layar robek, itu lebih mulia daripada berbalik haluan pulang"². Ibarat kata pepatah "Daripada hidup bercerminkan bangkai biar mati bergalang tanah"

PENUTUP BICARA

Para muktamirin yang dikasihi,

Kita bermuktamar pada tahun ini selang dua minggu sebelum ketibaan Ramadhan, bulan al-Quran. Saya menyeru saudara semua supaya megambil kesempatan daripada *madrrasah* Ramadhan ini untuk kita kukuhkan kekuatan kita untuk perteguhkan kemenangan ini. Ramadhan adalah bulan dakwah, bulan *maghfirah*, bulan yang penuh *barokah* dan juga bulan perjuangan. Janalah kekuatan individu setiap pemuda kita dan gerakkanlah kekuatan *amal jama'ie* daripada roh Ramadhan kelak supaya Islam dapat bangkit semula sebagai *deen wa daulah*. Ramadhan ini sememangnya mampu untuk mencetuskan semula *revolution from within* dalam gerakan kita,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ
لِمَا يُحْيِيكُمْ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ
وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, sahutlah seruan Allah dan seruan Rasul apabila Rasul menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah

² Hamka, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Penerbit Dini, Kuala Lumpur, h. 22.

bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya dan sesungguhnya kepadaNya kamu akan dihimpunkan.”

(Surah al-Anfal, ayat 24)

Sebagai akhirnya, marilah kita menjadikan muktamar kita ini sebagai medan muhasabah yang benar-benar bermanfaat untuk pembangunan Islam. Marilah kita bersama-sama memasang tekad dan azam untuk perjuangan PAS yang berdasarkan Islam terus relevan di pentas politik Malaysia. Saya merakamkan ribuan terima kasih kepada seluruh jentera kerja Dewan Pemuda PAS di semua peringkat di atas sokongan kepada kepemimpinan saya dalam merakyat perjuangan sepanjang setahun yang lepas. Kepada Timbalan Presiden PAS, YB Ustaz Nasharudin Mat Isa yang saban tahun bersama Dewan Pemuda PAS, para pimpinan Pemuda PR dan NGO yang bersama-sama dalam perjuangan mendaulatkan kuasa rakyat ini, para perwakilan yang membawa gagasan idea untuk memacu perjuangan, para panitia muktamar yang bertungkus lumus menjayakan muktamar ini, para dermawan dan para pemerhati yang mengikuti muktamar ini di seluruh dunia, sekali lagi saya merakamkan jutaan terima kasih daun keladi.

Semoga Allah merestui perjuangan kita dan membawa kita kepada kemenangan di medan jihad ini. Sekian, *wabillahi al-taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*



Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-49
Stadium Indra Mulia, Ipoh, Perak
11 dan 12 Sya'ban 1429 / 13 dan 14 Ogos 2008